

# Singapura mahu kita senarai kebimbangan melalui surat

UM 1 APR 2002  
SINGAPURA 31 Mac Singapura akan menimbangkan **ke-**imbangan Malaysia berhubung dasar penambakan laut negara **ini** dengan syarat **Kuala Lumpur** **mēnyenaraikan** kebimbangannya dalam sepucuk surat rasmi.

Timbalan **Perdana** Menteri, Lee Hsien Loong dalam **lawatan-**nya ke Malaysia baru-baru **ini** menjelaskan bahawa kegiatan penambakan laut Singapura **ter-**letak di dalam lingkungan **per-**airan pulau **ini**, kata seorang **ju-**rucakap Kementerian Luar.

"Pendirian itu tidak berubah. Apabila Malaysia menghantar surat kepada kami, Singapura akan menimbangkannya **de-**ngan teliti," kata jurucakap itu dalam satu kenyataan lewat **se-**malam.

Beliau **juga** berkata, **para pe-**mimpin Malaysia telah **bersetu-**ju untuk menyenaraikan **kebi-**mbangan mereka dalam sepucuk surat.

"Semasa lawatannya ke Malaysia, TPM Lee telah **menyata-**kan, **segala** kerja penambakan laut dijalankan di perairan Si- ngapwa selaras dengan un- dang-undang antarabangsa," kata jurucakap itu **lagi**.

Minggu lepas, Singapura **me-**negaskan bahawa **ia** akan **terus** menambak laut di perairannya sekalipun **timbul** perbalahan **de-**ngan Malaysia berhubung **pro-**jek penambakan laut dekat **sem-**padan laut kedua-dua **negara**.

Singapura tidak pula **menye-**but mengenai projek **penamba-**kan laut di Selat Tebrau yang **menurut** Malaysia **terletak ter-**lalu hampir dengan perairannya dan boleh menjejaskan laluan perkapalan.

**Perdana** Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir **Moha-**mad kemudiannya **memberi** amaran, kerajaan beliau akan mengkaji semula kerjasama **de-**ngan Singapura jika **ia terus** tidak menghiraukan **kebiimba-**ngan Malaysia mengenai program penambakan laut itu. — AFP